

# GLOSARI

ISTILAH	TAFSIRAN
A320	Airbus A320 adalah pesawat penumpang komersial jarak dekat.
A330	Airbus A330 adalah pesawat berbadan lebar untuk penerbangan jarak sederhana - jauh dengan kapasiti 220-300 orang penumpang.
A350 XWB	Airbus A350 adalah pesawat berbadan lebar untuk penerbangan jarak jauh dengan kapasiti 300-410 orang penumpang.
Air bawah tanah	Air yang boleh didapati di bawah permukaan bumi termasuk di dalam ringga tanah, krevis atau rekahan di dalam formasi batuan.
Adaptasi	Adaptasi merangkumi tindakan yang membantu komuniti dan ekosistem untuk menghadapi perubahan iklim yang nyata dan dijangka berlaku. Contohnya seperti perubahan cuaca, kenaikan paras laut dan bencana alam seperti kemarau dan banjir.
Akuifer	Lapisan bawah permukaan bumi atau formasi geologi yang mampu menyimpan dan memhasilkan air dengan kuantiti yang bermakna untuk telaga.
Aset ekologi	Sumber-sumber ekologi yang terdiri daripada pelbagai ekosistem daratan, pesisir pantai dan marin yang menyimpan khazanah biodiversiti serta memainkan pelbagai peranan dalam penyediaan perkhidmatan ekosistem, termasuk penampungan terhadap perubahan iklim dan bencana alam.
Autisme	Gangguan perkembangan neuro sepanjang hayat. Autisme memberi kesan kepada perkembangan otak dan mempengaruhi keupayaan anak untuk berkomunikasi, berinteraksi secara sosial dan belajar seperti anak biasa.
Automatic Number Plate recognition (ANPR)	Merupakan teknologi yang menggunakan pengecaman karakter pada gambar untuk membaca nombor pendaftaran kenderaan bagi mendapatkan data lokasi kenderaan
Badan air	Sungai, tasik, kolam, tanah lembap, paya persisir pantai, air tanah dan badan air yang lain sama ada semula jadi atau buatan termasuk tebing dan lapisan atau mana-mana bahagian tersebut atau persekitarannya
Bandar Rendah Karbon	Bandar yang terdiri daripada masyarakat yang menggunakan teknologi hijau secara lestari, melaksanakan amalan hijau dan mengeluarkan karbon atau GHG yang secara relatifnya rendah, berbanding dengan amalan sekarang bagi mengelakkan kesan buruk ke atas perubahan iklim.
Bandar Global	Bandar yang mempunyai kepentingan di dalam sistem ekonomi global. Ia mempunyai kesemua atau sebahagian besar daripada 13 kriteria (DPN2) dengan mempunyai penduduk melebihi 3.5 juta orang.
Bandar Wilayah	Sebuah ibu negeri yang mempunyai pengaruh ekonomi dan pentadbiran yang melepas sempadan wilayah dan negara dengan penduduk melebihi 1.5 hingga 3.5 juta. Ia mempunyai pengaruh ekonomi ke kawasan wilayah antarabangsa melebihi ibu negeri yang lain dan menepati beberapa ciri-ciri bandar global.
Bandar Negeri	Merupakan Ibu Negeri bagi setiap negeri yang tidak termasuk dalam kategori Bandar Global dan Bandar Wilayah. Fungsi utama bandar ini adalah sebagai pusat pentadbiran negeri dan juga sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama negeri. Tiada saiz minimum populasi ditetapkan untuk Bandar Negeri.
Bandar Utama	Bandar yang berperanan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang signifikan dalam sesebuah negeri. Saiz minimum adalah 100,000 orang penduduk.
Bandar Tempatan	Bandar yang memberi perkhidmatan perniagaan dan/atau pentadbiran kepada kawasan yang lebih kecil berbanding Bandar Utama. Saiz populasi adalah antara 10,000 orang penduduk. Bandar pentadbiran daerah yang mempunyai penduduk kurang 10,000 adalah termasuk di bawah kategori ini.

ISTILAH	TAFSIRAN
Bandar Diraja	Bandar Diraja merupakan bandar kedua terpenting selepas bandar atau bandar raya yang menjadi ibu negeri bagi negeri-negeri yang diperintah oleh Raja atau Sultan. Bandar Diraja adalah daerah yang menjadi tempat berdirinya Istana kediaman rasmi bagi Sultan atau Raja.
Bangunan (Warisan)	Suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains
Bahaya / Hazard	Fenomena keadaan atau aktiviti manusia, bahan atau keadaan yang mampu menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan atau impak kesihatan lain, kerosakan harta benda, kehilangan pekerjaan dan perkhidmatan, gangguan ekonomi dan sosial, atau kerosakan alam sekitar.
Bahaya semula jadi ( <i>natural hazards</i> )	Hasil proses fizikal semula jadi yang dipengaruhi oleh cuaca, bentuk muka bumi serta sifat-sifat geologi sesuatu kawasan yang boleh mengakibatkan bencana seperti banjir, ribut dan tanah runtuhan.
Bahaya susulan ( <i>subsequent hazards</i> )	Susulan bahaya semula jadi yang boleh mengancam kawasan yang telah terjejas daripada sebuah episod bencana. Contohnya cerun yang terdedah dan struktur binaan yang rosak.
Benda purba ( <i>antiquity</i> )	Mana-mana objek boleh alih yang berusia atau semunasabahnya dipercayai berusia sekurang-kurangnya lima puluh tahun
Bencana	Gangguan serius terhadap fungsi komuniti atau masyarakat, yang melibatkan sebarang kerugian dan impak kepada manusia, bahan, ekonomi atau alam sekitar, yang melebihi keupayaan masyarakat atau komuniti, bagi mengatasi bencana itu dengan menggunakan sumber sedia ada.
Biodiversiti	Konvensyen Kepelbagaian Biologi mentakrifkan biodiversiti sebagai kepelbagaian organisma hidup daripada pelbagai sumber yang meliputi antaranya ekosistem darat, laut dan akuatik serta kompleks ekologi yang menjadi sebahagian daripadanya termasuk kepelbagaian spesies, antara spesies dan ekosistem.
Brownfield	Kawasan yang telah dibangunkan tetapi ditinggalkan atau terbiar atau mempunyai struktur pembangunan yang usang atau Kawasan pembangunan yang tidak siap sepenuhnya dan terbengkalai. Kawasan ini mungkin tercemar atau tidak tercemar.
Berdaya Tahan / <i>Resilient</i>	Kemampuan bandar dalam mengadaptasi serta menghadapi kesan senario transformasi dan perubahan serta kebolehan untuk segera pulih semula dalam sebarang kemungkinan bencana dan krisis
Butiran warisan	Apa-apa warisan kebangsaan, tapak warisan, objek warisan atau warisan kebudayaan di bawah air yang disenaraikan dalam daftar
Carbon Sequestration	Proses penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida daripada atmosfera
Cohort Survival	Model Kaedah ramalan untuk menentukan unjuran penduduk masa hadapan di mana penduduk dikemas kini berdasarkan bilangan kelahiran, kematian dan migrasi penduduk.
Composting	Sisa organik yang telah terurai dan dikitar semula
Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)	Reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan
Daftar Warisan Kebangsaan	Diwujudkan dan disenggarakan di bawah seksyen 23 yang mengandungi suatu senarai butiran warisan

ISTILAH	TAFSIRAN
Dasar Langit Terbuka	Perjanjian perkhidmatan udara dua hala berdasarkan Dasar Langit Terbuka atau Open Skies Policy membenarkan syarikat penerbangan Malaysia dan Negara-negara asing mengadakan penerbangan tanpa sekat dari segi kekerapan perkhidmatan, kapasiti penerbangan, jenis pesawat, laluan serta bilangan syarikat penerbangan yang dibenarkan di antara Malaysia dan negara tersebut.
E-Dagang	Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi dan pemasaran, pembekalan atau penghantaran barang atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian.
Eko pelancongan	Kawasan semulajadi yang tidak terganggu untuk tujuan rekreasi dan pelancongan, mempunyai pelbagai spektrum dalam penawaran produk seperti penjelajahan trek hutan sehingga kepada aktiviti memerhati hidupan liar.
Ekonomi Asia Pasifik (APEC)	APEC telah dibentuk pada tahun 1989 dan kini dianggotai oleh 21 buah negara termasuk Malaysia. Ia merupakan satu forum antarabangsa yang menjadi medan perundingan dan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara rantau Asia Pasifik.
E-waste	Sisa daripada bahan elektronik
First and Last Mile	Menerangkan perjalanan dari titik permulaan hingga ke titik akhir penghujung perjalanan
Gas Rumah Hijau (Green House Gas GHG)	Apa-apa gas yang menyerap sinaran inframerah, termasuk wap air, karbon dioksida (CO <sub>2</sub> ), metana (CH <sub>4</sub> ), nitrus oksida (N <sub>2</sub> O), berhalogen fluorocarbons (HCFCs), ozon (O <sub>3</sub> ), karbon perfluorinated (PFCs), hydrofluorocarbons (HFCs) dan hexafluoride sulfur (SF <sub>6</sub> ).
Gempa bumi	Suatu kejadian gegaran permukaan yang disebabkan oleh pelepasan tenaga dengan cepat yang terjadi di dalam lapisan bumi yang disebabkan oleh pergeseran lapisan batuan, aktiviti volkanik, atau akibat ledakan buatan manusia seperti letusan bom dan sebagainya.
Golongan B40	Membawa maksud kumpulan Bottom 40% daripada keseluruhan peratusan rakyat Malaysia. Kumpulan ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan memiliki pendapatan isi rumah di bawah RM4,850 sebulan.
Grey Water	Sisa air yang agak bersih daripada pancuran mandian, sinki dan peralatan dapur seperti mesin basuh yang boleh dikitar semula
Golongan M40	Membawa maksud kumpulan Middle 40% daripada keseluruhan peratusan rakyat Malaysia. Kumpulan ini terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana dan memiliki pendapatan isi rumah di antara RM4,851 – RM10,970 sebulan.
Golongan T20	Membawa maksud kumpulan Top 20% daripada keseluruhan peratusan rakyat Malaysia. Kumpulan ini terdiri daripada golongan berpendapatan tinggi dan memiliki pendapatan isi rumah melebihi RM10,971 sebulan.
Golongan mudah terjejas	Isi rumah berpendapatan antara paras garis kemiskinan (PGK) dan 2.5 kali PGK. Berdasarkan penetapan pemerintah pusat mengenai PGK sebanyak RM800, maka isi rumah mudah terjejas merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara RM800 dan RM2000
Greater KL/ Klang Valley	Merupakan Bandar Global Malaysia meliputi Kawasan seluas 243 km (94 batu persegi) dan mempunyai penduduk dianggarkan 1.73 juta orang pada 2016. Dikenali sebagai Lembah Klang/'Klang Valley'.
Greenfield	Kawasan / tanah yang merangkumi habitat / kawasan hutan dan tanah pertanian produktif yang tidak dibangunkan. Ini termasuklah lingkaran hijau di kawasan bandar.

ISTILAH	TAFSIRAN
Harta karun ( <i>treasure trove</i> )	Apa-apa Wang, Syiling, Emas, Perak, Saduran, Barang Kemas Bulion, Batu Berharga Atau Apa-apa Objek Atau Benda Bernilai Yang Dijumpai Tersembunyi Dalam, Atau Dijumpai Dalam Apa-apa Jua Yang Melekat Pada, Tanah Atau Dasar Sesuatu Sungai Atau Tasik Atau Laut, Yang Tuan Punyanya Tidak Diketahui Atau Tidak Dapat Dijumpai, Tetapi Tidak Termasuk Apa-apa Warisan Kebudayaan Ketara
Hutan Darat	Kawasan hutan yang bentuk muka bumiannya landai, berbukit dan beralun yang ketinggiannya sehingga 1000 m dari paras laut.
Hutan Tadahan Air	Hutan tadahan air adalah satu kawasan dalam hutan simpanan kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Seksyen 10(1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984.
Hutan Taman Negeri	Hutan Taman Negeri (HTN) adalah satu kawasan dalam hutan simpanan kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Seksyen 10(1)(l), Akta Perhutanan Negara 1984. HTN ini ditetapkan sebagai kawasan pemeliharaan dan pengekalan kepentingan biodiversiti, sumber genetik, sumber air, pembelajaran, kajian, riadah, ekopelancongan, kebudayaan tempatan dan juga pemeliharaan kawasan yang mempunyai kepentingan tempatan dan antarabangsa. Tujuan penubuhan HTN adalah untuk melindungi dan memulihara keunikan biodiversiti, pendidikan dan penyelidikan.
Hutan Lipur	Hutan lipur adalah satu kawasan dalam hutan simpanan kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Seksyen 10(1)(h), Akta Perhutanan Negara 1984. Ianya ditubuhkan bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirahat, bersukan, menjalankan penyelidikan dan pendidikan serta memelihara flora dan fauna. Pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menjenamakan hutan lipur sebagai taman eko rimba (TER).
Hutan Paya Laut (Hutan Paya Bakau)	Hutan ini terbentuk di kawasan yang berlumpur di pantai, lagun dan muara sungai yang mengalami air pasang surut. Spesies pokok-pokok utama hanya terhad pada habitat ini dan tumbuhan di ekosistem ini lazimnya mempunyai sistem akar unik seperti akar jangkang dan pneumatofor dan struktur daun yang tebal seperti Rhizophora sp. (Bakau). Hutan paya laut juga dikenali sebagai hutan paya bakau kerana hutan ini didominasikan oleh pokok yang terdiri daripada spesies bakau.
Hutan Simpanan Kekal	Manfaat tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpanan kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.
Hutan Pengeluaran	Hutan pengeluaran adalah satu kawasan dalam hutan simpanan kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Seksyen 10(1)(a), Akta Perhutanan Negara 1984.
Hydropanel	Panel yang mengekstrak air melalui solar
Hygroscopic	Bahan penyerap air
Inap Desa	Merupakan rumah orang awam yang menyediakan ruang atau bilik untuk disewakan kepada pelancong. Kaedah inap desa ini bagi menampung kekurangan bilik hotel di sesetengah tempat.
Industri Kreatif	Industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksplorasi harta intelek.
Indigenous and Local Community Conserved Areas (ILCA)	Satu ekosistem semula jadi dan/atau yang telah diubahsuai, mengandungi nilai kepelbagaiannya biologi (biodiversity) dan perkhidmatan ekologi (ecosystem services) yang menonjol, yang dipelihara secara sukarela oleh komuniti pribumi dan tempatan (bermastaun atau berhijrah), melalui undang-undang adat atau cara lain yang berkesan.
Infill	Pembangunan atau pembangunan semula yang dijalankan ke atas tanah kosong atau tapak yang telah dibangunkan yang terletak di dalam kawasan tepu bina dan kawasan yang sedang dibangunkan.

ISTILAH	TAFSIRAN
Inklusif	Meliputi kesemua golongan dan lapisan masyarakat di kalangan warga negara, sama ada dari segi jantina, etnik, status sosio-ekonomi, umur, pendidikan, agama dan ruang.
Intermodalism.	Pergerakan pengangkutan barang di bawah bebas kontrak dari asal ke destinasi dengan beberapa mod pengangkutan atau pembekal pengangkutan yang lain. Pergerakan ini mempunyai beberapa mod pengangkutan dalam satu perjalanan.
Jasad air (waterbody)	Air yang terkandung di dalam jasad yang membentuk fitur fisiografikal
Jejak audit (audit trail)	Merupakan rekod terperinci data perakaunan yang boleh dikesan kepada sumber.
Jumlah Beban Harian Maksimum (Total Maximum Daily Load, TMDL)	Menentukan jumlah maksimum bahan pencemar yang boleh diterima oleh badan air tanpa menjaskan kegunaan air atau sasaran kualiti air yang ditetapkan.
Kawasan berhutan	Tanah yang meliputi kawasan melebihi 0.5 hektar dengan mempunyai pokok-pokok berketinggian melebihi 5 meter dan litusan kanopi/silara melebihi 10%, atau pokok-pokok yang mampu mencapai had-had di atas secara in-situ.
Jejak Karbon (Carbon Footprint)	Jumlah pelepasan gas karbon daripada aktiviti individu, kumpulan, organisasi atau produk.
Kawasan imbuhan	Kawasan di mana boleh berlakunya penambahan air ke dalam sistem air tanah sama ada secara semula jadi ataupun secara buatan
Kawasan Pengurusan Khas.	Kawasan-kawasan di banjaran utama di mana pembangunan aktiviti pertanian dan bandar yang berkaitan berkemungkinan dibenarkan. Merupakan kawasan yang wujudnya tumpuan petempatan manusia dan mempunyai perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan asas
Kawasan perlindungan (protected area)	IUCN menyatakan bahawa Kawasan Perlindungan adalah sesuatu tanah dan laut yang didedikasikan untuk perlindungan dan pemeliharaan kepelbagaiannya diversiti, dan sumber semula jadi dan kebudayaan yang berkenaan, serta diuruskan secara menyeluruh. Istilah Kawasan Perlindungan dirujuk kepada kawasan tanah tinggi, kawasan air tawar dan kawasan laut.
Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	Satu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung. KSAS terbahagi kepada:
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan persisiran pantai</li> <li>• Dataran banjir, tanah lembap, bekas lombong, tasik dan sungai</li> <li>• Tadahan air dan sumber air</li> <li>• Simpanan mineral dan bencana geologi</li> <li>• Bekas dan tapak pelupusan sisa pepejal dan sisa toksid</li> <li>• Pertanian makanan</li> <li>• Warisan semulajadi dan antikuiti</li> <li>• Rizab hidupan liar</li> <li>• Hutan simpanan kekal</li> <li>• Bukit dan tanah tinggi</li> </ul>
KSAS Tahap 1	Kawasan penting yang telah diwarta. Tiada penyahwartaan atau tukar guna tanah dan aktiviti pembangunan dibenarkan selain syarat dan kegunaan yang tertakluk kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan.
KSAS Tahap 2	Kawasan yang masih belum diwarta tetapi dikenalpasti oleh kerajaan dan akademik sebagai habitat penting. Pewartaan perlu diberi keutamaan bersama kawalan pembangunan yang ketat.

ISTILAH	TAFSIRAN
KSAS Tahap 3	Kawasan pembangunan dan penggunaan mampan di mana perlu pengawalan dan pemantauan yang rapi untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
Kawasan Tadahan	Kawasan di mana air hujan mengalir ke dalam satu kawasan badan air seperti sungai, empangan, tanah lembap atau laut. Terdiri daripada dua (2) jenis iaitu kawasan tadahan empangan dan kawasan takat pengambilan air yang berkemungkinan terletak di sepanjang sungai jauh ke hilir empangan.
Kawasan tadahan air	Kawasan daripada mana sesuatu sumber air yang menerima aliran permukaan yang berasal daripada hujan
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap, iaitu jumlah nilai ditambah pada harga pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import. KDNK ini juga bersamaan dengan perbelanjaan ke atas KDNK, iaitu jumlah bagi semua komponen perbelanjaan akhir ke atas barang dan perkhidmatan tolak dengan import barang dan perkhidmatan.
Kadar Air Tidak Berhasil/ <i>Non-Revenue Water</i> (NRW)	Perbezaan antara jumlah pengeluaran air yang dibekalkan ke dalam sistem agihan berbanding jumlah penggunaan sah yang dibilang
Kitar semula	Mengumpul dan mengasingkan sisa pepejal bagi tujuan penghasilan produk baru.
Kebangkitan semula desa ( <i>rural rebound</i> )	Pergerakan populasi dari bandar ke kawasan luar bandar atau pinggir bandar yang membawa kepada peningkatan populasi luar bandar.
Kepadatan Penduduk	Kepadatan penduduk bermaksud nisbah antara jumlah penduduk di sebuah kawasan berbanding dengan keluasannya.
Kelestarian sumber air ( <i>water sustainability</i> )	Pembangunan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air secara lestari untuk memastikan ia terus dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh manusia dan alam sekitar untuk jangka masa berpanjangan
Konurbasi	Kawasan pertumbuhan perbandaran ekonomik yang merangkumi bandar raya, bandar-bandar utama dan juga kawasan perbandaran yang bercantum secara fizikal, mempunyai hubungan ekonomi dan mengalami pertumbuhan penduduk bagi membentuk satu kawasan tenu bina yang membangun secara berterusan.
Konurbasi Nasional	Konurbasi Nasional adalah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya & sebahagian daripada Negeri Selangor termasuklah Daerah Klang, Daerah Petaling, Daerah Gombak, Daerah Hulu Langat, Daerah Kuala Langat serta Daerah Sepang).
Konurbasi Selatan	Konurbasi Selatan adalah (sekitar Johor Bahru termasuklah Iskandar Puteri, Senai, Kulai, Skudai, Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Pontian, Kota Tinggi, Desaru & Pengerang).
Konurbasi Timur	Konurbasi Timur adalah (sekitar Kuantan, Pekan & Gambang).
Konurbasi Utara	Konurbasi Utara adalah (Pulau Pinang & sebahagian Seberang Perai).
Koridor & hab pembangunan transit nasional (cadangan)	Koridor merujuk kepada koridor sepanjang jaringan cadangan rel nasional iaitu HSR, KTM dan ETS antara bandar Semenanjung Malaysia. Hab merujuk kepada bandar-bandar dengan stesen utama sepanjang jaringan rel tersebut di atas, di mana bandar-bandar ini berpotensi menjadi hab pembangunan berorientasikan transit.
Koridor Industri Sekunder	Ekonomi industri sokongan kepada pembangunan ekonomi daerah atau penyokong kepada industri utama.
Koridor Industri Utama	Ekonomi industri penting ( <i>key economy</i> ) yang merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi daerah.

ISTILAH	TAFSIRAN
Koridor Lanskap/ Ekologi / Marin	Koridor yang menghubungkan pelbagai habitat atau ekosistem (termasuk ekosistem marin) pada peringkat lanskap bagi membenarkan pergerakan haiwan.
Kumpulan Wang (Warisan) (Heritage Fund)	Kumpulan Wang Warisan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 20
<i>Land-bridging</i>	Merujuk kepada perkhidmatan kereta api kontena yang diangkut ke pelabuhan.
<i>Large Scale Solar</i>	Penghasilan janaan tenaga melalui solar fotovolta secara skala besar
Lebuhraya hijau	Merupakan lebuhraya yang mesra alam sekitar di mana dari segi rekabentuk, perancangan, pembinaan dan penyelenggaraan bertujuan untuk memulihara kemampunan ekologi dan pengangkutan.
Lembangan Sungai	Kawasan dari mana semua air larian permukaan mengalir melalui jaringan anak-anak sungai, sungai-sungai utama dan kemungkinan tasik dan berakhir ke laut melalui satu kuala, muara dan delta.
Levi infrastruktur	Caj yang dikenakan kepada pihak pemaju bagi tujuan membangunkan infrastruktur yang baru dan komprehensif di kawasan pembangunan baru.
Lot lidi	Sebidang tanah yang mempunyai geran tanah yang sah, tetapi kemudiannya dipecah-pecahkan lot kecil untuk dijual semula dengan tujuan untuk membina rumah.
<i>Make Room For Water</i>	Perancangan infrastruktur yang bersinergi dengan saliran semula jadi
<i>Malaysia My Second Home</i>	Program yang digalakkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membenarkan warga asing yang memenuhi kriteria yang tertentu untuk tinggal di Malaysia seberapa lama yang boleh pada pelbagai kemasukan pas pelawat sosial.
<i>Malaysian Good Agriculture Practices (MyGAP)</i>	Penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SLAM), Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM).
<i>Malaysia Vision Valley 2.0</i>	Merupakan inisiatif pembangunan awam-swasta yang dijangka menjadi metropolis bertaraf dunia yang kompetitif, inklusif dan bersih.
Matlamat Pembangunan Mampan ( <i>Sustainable Development Goals, SDGs</i> )	Merupakan agenda untuk menghasilkan pelan tindakan yang merealisasikan hak asasi manusia, kesaksamaan jantina serta memperkasakan wanita dan kanak-kanak. Matlamat adalah bersepada dan mengimbangi tiga (3) dimensi pembangunan mampan termasuklah ekonomi, sosial dan alam sekitar.
Margin Rizab Air	Beza antara jumlah kapasiti air dirawat dengan penggunaan air dirawat
Masyarakat menua	Perubahan komposisi usia populasi sehingga terdapat peningkatan dalam jumlah golongan warga emas.
<i>Malaysia Vision Valley 2.0</i>	Merupakan inisiatif pembangunan awam-swasta yang dijangka menjadi metropolis bertaraf dunia yang kompetitif, inklusif dan bersih.
Menggunakan semula sisa ( <i>Reuse</i> )	merupakan proses di mana, sisa yang dikumpulkan akan digunakan lebih daripada sekali sama ada bagi fungsi yang sama atau fungsi yang baru

ISTILAH	TAFSIRAN
Mitigasi	Mitigasi adalah langkah-langkah untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca yang merupakan salah satu punca pemanasan global serta memperkaya pengumpulan karbon untuk mengurangkan impak perubahan iklim.
Modal insan	Manusia dilihat sebagai modal yang dinamakan 'modal insan' dan merupakan aset tenaga yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi pembangunan negara.
Modal sosial ( <i>social capital</i> ).	Merupakan pautan, nilai-nilai bersama dan persefahaman dalam komuniti yang membolehkan individu dan kumpulan saling mempercayai dan bekerjasama untuk kepentingan dan manfaat bersama
Mineral	Apa-apa bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bergas yang terjadi <ul style="list-style-type: none"> <li>a) dengan cara semula jadi,</li> <li>b) hasil daripada perlombongan di dalam atau di atas tanah; atau</li> <li>c) hasil daripada perlombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut</li> </ul> terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi, tetapi tidaklah termasuk air, "bahan batu-batan" sebagaimana ditafsirkan dalam Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965) dan "petroleum" sebagaimana ditafsirkan dalam Akta Melombong Petroleum 1966 (Akta 95)
Monumen	Kerja seni bina, kerja membuat arca dan mengecat monumen, elemen atau struktur daripada jenis arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri, yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains
<i>Modal Split</i>	Peratus perkongsian penggunaan pengangkutan awam dan persendirian
<i>Multimodalism</i>	Pergerakan pengangkutan barang di bawah satu kontrak dari asal ke destinasi dengan beberapa mod pengangkutan atau pembekal pengangkutan yang lain. Pergerakan ini mempunyai satu pengangkut dalam satu perjalanan.
Negara Komanwel	Negara-Negara Komanwel atau Komanwel sahaja merupakan satu persatuan secara sukarela yang melibatkan negara-negara berdaulat yang ditubuhkan atau pernah dijajah oleh pihak British kecuali Mozambique (bekas jajahan Portugis) dan Rwanda (bekas jajahan Belgium).
<i>Nanocoated Filtration System</i>	Sistem penapisan yang akan menapis molekul dengan dimensi dan toleransi kurang dari 100 nanometer
Negara OIC	Satu pertubuhan antarabangsa di kalangan negara-negara yang mempunyai delegasi tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Organisasi ini terdiri daripada gabungan 57 negara-negara Islam seluruh dunia yang kebanyakannya dari negara-negara Timur Tengah & Utara Afrika, Caucasus, Asia Tenggara, Asia Tengah, Balkan dan Asia Selatan.
NEWater	Air sisa yang dirawat yang dihasilkan oleh <i>Public Utilities Board</i> (Lembaga Utiliti Awam) Singapura
Nisbah pekerja berpengetahuan	Jumlah pekerja yang berpendidikan tinggi (kelulusan Tertiari/ Ijazah/ Berkemahiran & berkaitan) dibahagi dengan jumlah penduduk yang berpendidikan.
<i>Off-river storage (ORS)</i>	Kolam takungan air mentah berkonsep menakung atau menyimpan air hujan semasa aliran sungai menjadi tinggi semasa hujan. Sumber air mentah ini akan disimpan untuk digunakan semasa kemarau atau aliran sungai adalah rendah untuk diambil oleh loji rawatan air yang berdekatan. Kolam seumpama ini biasanya dibina di kawasan yang berisiko rendah daripada pencemaran sungai akibat penggunaan tanah dan pembangunan bandar yang pesat.
<i>On-site Detention Tank</i>	Tangki tадahan air di kawasan pembangunan

## GLOSARI

ISTILAH	TAFSIRAN
<i>Outstanding universal value (OUV)</i>	Nilai yang diiktiraf secara universal sebagai penting atau yang mempunyai pengaruh terhadap evolusi manusia secara keseluruhan pada suatu masa atau masa yang lain.
<i>Pour Flush</i>	Sistem kumbahan lama iaitu sistem tuang siram
Proses Penyediaan Polimer	Penggunaan polimer untuk mengumpul bahan-bahan terampai dalam sisa kumbahan yang akhirnya akan terkumpul menjadi bahan pepejal
Pekerja berpengetahuan	Ia merupakan pengetahuan pekerja yang diperoleh sama ada secara formal atau tidak. Perbezaannya adalah tentang kefahaman, pengetahuan, informasi, kerja dan cara kerja. Informasi hanya akan menjadi pengetahuan apabila seseorang boleh menggunakan untuk menambah atau menghasilkan nilai untuk kerjanya atau organisasi. Pekerja berpengetahuan ini adalah mereka yang menyatakan, menganalisis, menambah nilai dan berhubungan dengan informasi untuk meningkatkan mutu pembuatan keputusan dalam produktif yang dinamik.
<i>Peak Ground Acceleration (PGA)</i>	<i>Peak Ground Acceleration</i> digunakan bagi mengetahui tahap dayaerosak sebuah gempa yang lebih terukur dan menjadi standard intensiti gempa yang berkaitan dengan dasar aplikasi pengiraan di bidang reka bentuk seperti penentuan pengiraan struktur bangunan tahan gempa, peraturan bangunan ( <i>building code</i> ), risiko ancaman bencana gempa ( <i>seismic hazard risk</i> ) dan sebagainya
Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (ISMP)	Satu pelan pengurusan bersepadu yang mengambil kira semua aktiviti bersektor yang mempengaruhi kawasan pantai dan memberikan pertibangan sewajarnya kepada isu ekonomi, sosial, alam sekitar dan ekologi.
Pelan Pengurusan Pemuliharaan (Warisan) CMP	Pelan bagi pemuliharaan yang disediakan di bawah Seksyen 46
Pekerja berpengetahuan	Ia merupakan pengetahuan pekerja yang diperoleh sama ada secara formal atau tidak. Perbezaannya adalah tentang kefahaman, pengetahuan, informasi, kerja dan cara kerja. Informasi hanya akan menjadi pengetahuan apabila seseorang boleh menggunakan untuk menambah atau menghasilkan nilai untuk kerjanya atau organisasi. Pekerja berpengetahuan ini adalah mereka yang menyatakan, menganalisis, menambah nilai dan berhubungan dengan informasi untuk meningkatkan mutu pembuatan keputusan dalam produktif yang dinamik.
Pelancong	Pelawat sementara yang menetap sekurang-kurangnya satu (1) malam dan tidak melebihi tempoh setahun di negara yang dilawati, dengan tujuan lawatan untuk rekreasi, perniagaan, menziarahi rakan dan sanak saudara atau menghadiri persidangan dan mesyuarat, selain daripada aktiviti berbayar dari dalam negara yang dilawati tersebut.
Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)	Pembangunan bercampur berkepadatan tinggi dan disepadukan dengan stesen transit pengangkutan awam yang cekap.
Pembangunan Infill	Pembangunan atau pembangunan semula yang dijalankan ke atas tanah kosong atau tapak yang telah dibangunkan yang terletak di dalam kawasan tenu bina dan kawasan yang sedang dibangunkan.
Pembangunan Mampan	Pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengkompromikan kemampuan generasi mendatang memenuhi keperluan mereka.
Pembayaran tol secara elektronik/ <i>Electronic Toll Collection (ETC)</i>	Merupakan sistem pembayaran tol atas talian tanpa perlu menggunakan wang tunai apabila melalui lebuhraya. Antara sistem atau alatan untuk menyokong ETC adalah RFID dan ANPR

ISTILAH	TAFSIRAN
Pemetaan budaya	Pendekatan sistematik untuk merakamkan dan menyampaikan maklumat yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai karakter budaya ( <i>tangible / intangible</i> ) serta kepentingan sesuatu tempat yang berkait dengan penduduk, kawasan dan alam sekitar.
Pengurusan Lembangan Sungai Bersepada ( <i>Integrated River Basin Management</i> , IRBM)	Satu proses penyelarasan dalam pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber air, tanah dan sumber-sumber berkaitan merentasi semua sektor di dalam sesebuah lembangan sungai. IRBM bertujuan untuk memaksimumkan faedah sosial ekonomi bagi sumber air secara mapan dan pada masa yang sama memelihara atau mengembalikan semula ekosistem semulajadi sumber air.
Pendapatan Kasar Negara (Gross National Income GNI)	Pendapatan Kasar Negara merujuk pada jumlah barang dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam negara, ditambah pendapatan diterima daripada negara lain, tolak pembayaran kepada negara lain. Pendapatan Kasar Negara boleh juga diperoleh daripada KDNK dengan menambah pendapatan faktor bersih dari luar negara.
Penduduk Menua	Penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencapai tujuh peratus (7%) daripada jumlah penduduk.
Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)	Sesebuah perniagaan boleh diklasifikasikan sebagai PKS jika memenuhi salah satu daripada dua kriteria, iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa; mana-mana yang lebih rendah. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembuatan: Jualan tahunan tidak melebihi RM 50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang.</li> <li>• Perkhidmatan dan lain sektor: Jualan tahunan tidak melebihi RM 20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.</li> </ul>
Perbandaran	Satu proses perubahan serta penerapan ciri-ciri bandar terhadap sesebuah kawasan dan proses ini akan melibatkan penghijrahan masuk penduduk luar bandar, perubahan aktiviti ekonomi, perkembangan kawasan bandar, pertambahan penyediaan kemudahan perbandaran, perubahan sosial, nilai dan sifat masyarakat tradisional kepada masyarakat moden serta perubahan guna tanah keseluruhannya.
Pertanian Kelas 1	Tanah yang tiada halangan atau halangan kecil sahaja kepada pertumbuhan tanaman. Sesuai untuk kebanyakan tanaman. Dengan menggunakan pengurusan yang sederhana sahaja, tanaman tersebut dapat memberikan hasil yang lumayan.
Pertanian Kelas 2	Tanah yang mempunyai satu atau lebih halangan sederhana kepada pertumbuhan tanaman. Kesesuaianya kurang sedikit berbanding dengan tanah kelas 1. Pengurusan yang sederhana diperlukan bagi mendapat hasil yang memuaskan. Amalan pengurusan yang mudah termasuk kawalan hakisan serta kerja pengairan dan saliran diperlukan.
Pertanian Kelas 3	Tanah yang mempunyai satu halangan serius kepada pertumbuhan tanaman, Hanya sesuai untuk beberapa tanaman sahaja. Pengurusan yang tinggi diperlukan bagi membangun dan memulihkan tanah jenis ini untuk penghasilan jangkamasa yang panjang.
Pertanian Kelas 4	Tanah yang mempunyai lebih daripada satu halangan serius kepada tumbuhan tanaman. Sesuai untuk sedikit tanaman sahaja ataupun tanaman tertentu. Pengurusan sangat tinggi diperlukan bagi mengekalkan penghasilan tanaman yang sederhana dan berterusan.
Pertanian Kelas 5	Tanah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu halangan yang sangat serius kepada pertumbuhan tanaman. Tanah di dalam kelas ini sangat kurang sesuai untuk pertumbuhan tanaman. Tanah ini lebih baik dibiar untuk tumbuhan hutan sekiranya ia tidak digunakan untuk perbandaran, perlombongan dan kuari.

ISTILAH	TAFSIRAN
Perumahan Mampu Milik	Perumahan mampu milik meliputi perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dengan harga jualan di antara RM 42,000 sehingga RM 150,000 setiap unit untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang mempunyai pendapatan isi rumah di antara RM 1,500 - RM 4,000 setiap bulan.
Pembangunan mampan	Pembangunan yang dapat memenuhi keperluan pada masa sekarang tanpa menjelaskan keupayaan memenuhi keperluan pada masa depan
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	Proses pembelajaran secara berterusan yang mana seseorang itu mendapatkan dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pengintergrasian dua komponen pendidikan iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal yang mana proses ini boleh berulang di sepanjang hayatnya.
Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	Proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri.
Pelantar Pembelajaran Digital	Pelbagai aplikasi dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan guru dan pelajar untuk menggerakkan pembelajaran dalam talian
Pindah hak pembangunan	Program yang memberi insentif yang membolehkan pemilik tanah untuk menjual hak pembangunan kepada pemaju atau lain-lain pihak berkepentingan yang kemudiannya boleh menggunakan hak tersebut untuk meningkatkan densiti pembangunan di lokasi lain yang telah ditetapkan.
Placemaking	Pendekatan pelbagai aspek untuk perancangan, reka bentuk dan pengurusan ruang awam yang memanfaatkan aset, inspirasi, dan potensi masyarakat setempat dengan tujuan untuk mewujudkan ruang awam yang mempromosikan kesihatan, kebahagiaan, dan kesejahteraan orang.
Pengasingan sisa di punca	Pengasingan pelbagai jenis sisa sewaktu peringkat penjanaan ( <i>generation</i> )
Pusat kitar semula	Mengumpul dan mengasingkan sisa mengikut jenis.
Pokok	Termasuklah akar, tunggul, batang, dahan, daun, belukar, palma, buluh, rotan dan tumbuhan jalar ditafsirkan di bawah seksyen 2(1), Akta Perhutanan Negara 1984.
<i>Polluter Pays Principles</i>	Prinsip ke arah penjagaan alam sekitar yang mana pihak yang menghasilkan pencemaran perlu bertanggungjawab dan menanggung kos kerosakan atau pencemaran yang telah dilakukan.
Produk Pelancongan	Merujuk kepada sesuatu yang mempunyai daya tarikan, yang berkemampuan untuk menarik pelancong untuk melawat dan meninjau. Contoh produk pelancongan adalah eko pelancongan, pelancongan sukan dan pelancongan pendidikan.
Pusat Agropolitan	Pekan atau pusat petempatan desa yang berpotensi untuk memperkembangkan kegiatan pembangunan pertanian dengan rantai nilai yang lebih tinggi.
Pusat fulfilment	Sebuah pusat yang menawarkan perkhidmatan pergudangan, pemprosesan pesanan dan penghantaran menyediakan platform bagi penyumberan luar perkhidmatan kepada peruncit dalam talian.
Pusat Katalis	Terdiri daripada bandar sederhana dan kecil yang mempunyai lokasi yang strategik bagi memandu pertumbuhan perbandaran kawasan sekitarnya dan berpotensi menjadi hub yang mempunyai fungsi yang khusus.
Pusat Pentadbiran Daerah	Kawasan bandar/pekan yang mempunyai pejabat pentadbiran seperti Majlis Daerah atau Pejabat Tanah dan Daerah serta agensi kerajaan lain. Mempunyai kemudahan awam dan infrastruktur untuk keperluan penduduk setempat.

ISTILAH	TAFSIRAN
Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	RTC merupakan satu pusat yang menjadi nukleas kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program oleh pelbagai kementerian secara kerjasama bagi tujuan pembangunan penduduk luar bandar dalam lingkungan 100 km dari RTC.
Pusat Transformasi Bandar (UTC-Urban Transformation Centre)	Pusat Transformasi Bandar (UTC) menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor Swasta yang ditempatkan di dalam satu pusat atau bangunan. UTC juga akan berperanan sebagai pusat setempat bagi aktiviti belia, NGO serta komuniti usahawan. Kementerian Kewangan telah dilantik sebagai peneraju utama UTC di seluruh negara.
Pyrolysis	Pembakaran tanpa oksigen sehingga suhu 1000°C
Radio Frequency Identification (RFID)	Merupakan sistem komunikasi antara pemancar ( <i>transponder</i> atau <i>tag</i> ) dan penerima. Sistem ini berfungsi sepenuhnya secara automatik dan digunakan untuk komunikasi tanpa sentuhan, mengenalpasti kedudukan sesuatu objek seperti kenderaan
Rainwater Harvesting	Pengumpulan dan penggunaan semula air hujan
Rangkaian Ekologi	Kawasan yang penting untuk mewujudkan kesinambungan di antara kepulauan/kompleks hutan di dalam membentuk CFS. Dua (2) jenis rangkaian ekologi sedia ada adalah:  Rangkaian utama - kawasan yang telah dikenalpasti bermasalah untuk mewujudkan kesinambungan bagi mencapai Pelan Induk CFS. Ini mengambil kira bentuk <i>linear corridor</i> dan membantu pergerakan mamalia yang besar.  Rangkaian Sekunder - kawasan yang telah dikenalpasti sukar untuk mewujudkan rangkaian utama tetapi tidak kurang pentingnya untuk mengekalkan beberapa peringkat perhubungan, terutamanya untuk membantu pergerakan haiwan kecil, burung dan serangga.
Rebakan Bandar	Perkembangan bandar secara mendatar, tidak terkawal dan melepas had pembangunan perbandaran yang telah ditetapkan.
Reka Bentuk Sejagat (Universal Design)	Reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas.
Relik arkeologi	Mana-mana mendapan arkeologi; mana-mana artifak, peninggalan atau keterangan matan yang dikaitkan dengan mendapan arkeologi
Retirement Village	Tempat tinggal komuniti atau kompleks perumahan yang direka untuk orang dewasa yang berumur 55 tahun dan ke atas atau golongan yang telah bersara daripada pekerjaan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan untuk memudahkan aktiviti sosial golongan terbabit.
Rizab Sungai	Suatu jalur tanah yang bersebelahan kedua-dua tebing sungai yang ditawarkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.
Risiko Bencana	Bencana berpotensi mengakibatkan kerugian besar, seperti kehilangan nyawa, taraf kesihatan menurun, hilang punca pendapatan, aset dan perkhidmatan. Ia boleh berlaku kepada manapun masyarakat atau komuniti dalam tempoh masa akan datang.
RORO (Roll On/ Roll Off)	RORO adalah ringkasan bagi Roll On/ Roll Off; Kapal RO-RO ialah sejenis feri yang membawa kargo beroda seperti kereta, motosikal atau lain-lain kendaraan.
Sifat kepunyaan (sense of belonging)	Perasaan psikologi individu terhadap kepunyaan atau keterkaitan terhadap jenis kumpulan sosial, ruang, budaya, profesional dan juga masyarakat.
Sungai	Mana-mana sungai, anak sungai, caruk atau lain-lain aliran air semula jadi, dan apa-apa cawangan sungai, alur/delta atau lengcongan buatan darinya

ISTILAH	TAFSIRAN
Sponge city	Konsep penyimpanan dan penggunaan air hujan berskala besar yang membantu mengurangkan risiko banjir kilat dan meningkatkan jumlah air yang boleh digunakan semula.
Stesen pemindahan	Suatu kemudahan di mana sisa pepejal terkawal dipunggah dari kenderaan pungutan sisa, dan dimuatkan semula ke dalam kenderaan angkut jauh berkapasiti besar, baj atau pengangkutan rel bagi penghantaran laluan darat atau air ke kemudahan pengolahan dan pelupusan
Tanah bekas lombong	Kawasan yang pernah digunakan untuk tujuan perlombongan atau pengkuarian yang telah luput tempoh pajakan termasuk kolam bekas lombong.
Tanah Kerajaan	Tafsiran tanah Kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada: <ol style="list-style-type: none"> <li>I. tanah berimilik;</li> <li>II. tanah rizab;</li> <li>III. tanah lombong; dan</li> <li>IV. mana-mana tanah yang, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau permulaan Akta ini), pada masa itu adalah hutan simpanan.</li> </ol> <p>Semua hasil hutan di dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri</p>
Tanah lembap	Tanah yang ditenggelami (submerged) atau digenangi (inundated) air sepanjang masa atau sebahagian masa sahaja.
Tanah tinggi	Kajian Pembangunan Mampan bagi Kawasan Tanah Tinggi di Semenanjung Malaysia (UPE, 2002) menerima pakai klasifikasi tanah tinggi seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah rendah : &lt; 150 meter</li> <li>• Kawasan bukit : 150–300 meter</li> <li>• Kawasan Pergunungan : &gt; 1,000 meter</li> </ul>
Tanah Rendah (Pamah)	Kawasan tanah pamah adalah tanah rendah yang rata, ada kalanya beralun, tidak melebihi 100m dari aras laut. Jaluran tanah pamah terletak di antara pinggir laut dengan banjaran gunung dan bukit di sepanjang laut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
Tanah Rizab	Menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965), tanah rizab ialah tanah yang pada masa itu dirizabkan untuk maksud awam menurut peruntukan-peruntukan seksyen 62 (Kanun Tanah Negara) atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu. Contoh tanah rizab ialah seperti Rizab Taman Negara, Rizab Orang Asli, Rizab Tentera dan sebagainya. Hasil hutan di dalam kawasan ini sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2, APN 1984 adalah milik Kerajaan Negeri.
Tapak Geopark	Geopark merujuk kepada sesuatu kawasan yang terdapat tapak warisan geologi yang boleh digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan secara lestari/mapan. Ia juga mempunyai unsur-unsur ekologi, arkeologi, sejarah dan budaya.
Tapak Warisan	Sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Seksyen 24
Tapak Warisan Dunia	Tapak warisan dunia adalah tempat-tempat khusus seperti hutan, gunung, tasik, monumen, bangunan, kompleks atau bandar yang dicalonkan dan mendapat pengesahan untuk dimasukkan ke dalam senarai yang dikendalikan oleh Program Warisan Dunia Antarabangsa UNESCO.
Tenaga Boleh Diperbaharui	Elektrik yang dijana daripada sumber yang bersih dan boleh diperbaharui seperti solar, angin, biomas dan tenaga hidro.
Telaga tiub	Telaga yang dibina dengan menebuk bawah permukaan bumi secara menggerudi atau dengan lain-lain kaedah dan pada kebiasaannya berdiameter 10-25cm. Kebanyakan telaga tiub dipasang selongsong dan saringan yang dibuat sama ada daripada PVC atau keluli

ISTILAH	TAFSIRAN
Tepu Bina	Kawasan di mana guna tanah utamanya adalah guna tanah perbandaran yang terdiri daripada perumahan, perdagangan, industri, institusi dan kemudahan infrastruktur yang lain.
Trade Effluent	Sisa cecair daripada proses industri
Sumber Mineral	Bahan yang terjadi secara semula jadi di dalam bumi dan terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu logam dan bukan logam.
Warga belia	Individu yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun.
Warga Emas	Individu yang berumur 60 tahun dan ke atas.
Warisan	Generik Warisan Kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam Daftar
Warisan Kebangsaan	Mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Seksyen 67
Warisan Kebudayaan	Bentuk ketara atau tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi
Warisan kebudayaan yang penting (Cultural Heritage Significance)	Warisan kebudayaan yang mempunyai nilai estetik, arkeologi, seni bina, kebudayaan, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik atau teknologi
Warisan kebudayaan di bawah air	Segala kesan kewujudan manusia yang mempunyai sifat kebudayaan, sejarah atau arkeologi yang sebahagiannya atau keseluruhannya di bawah air, berkala atau berterusan, selama sekurang-kurangnya satu ratus tahun
Wakaf Khusus	Terhad untuk tujuan tertentu seperti yang dihasratkan oleh pewakaf. (Kebiasaan diwakafkan untuk kegunaan institusi seperti tapak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim dan sebagainya)
Wakaf Am	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dibangunkan secara meluas tanpa limitasi tertentu.</li> <li>• Tanah yang dibangunkan merupakan hak milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).</li> <li>• Boleh dipajak sehingga 99 tahun. Hanya umat Islam yang boleh membeli hartanah di atas tanah wakaf dan boleh disewakan kepada orang bukan Islam.</li> </ul>
Wilayah	Wilayah bermaksud sesuatu kawasan yang menjangkau dua (2) atau lebih kawasan pentadbiran. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172, wilayah terdiri dari dua (2) negeri atau lebih.
Zon pantai	Semua kawasan yang mempunyai garisan persisiran pantai sejauh 3 batu nautika ke laut daripada garisan surut terendah dan 5km ke daratan daripada air pasang tertinggi.
Zon Pembangunan Persisiran Pantai	Kawasan persisiran pantai di mana pembangunan terkawal dibenarkan sekiranya perlu, iaitu untuk kegunaan infrastruktur (pelabuhan, terminal dan jeti), pemecah ombak ( <i>breakwater</i> ) dan pembangunan "waterfront". Pembangunan di kawasan ini perlu mendapat kelulusan EIA dan memenuhi kriteria-kriteria selamat, terpelihara produktif dan bebas cemar dan mempunyai gangguan minima terhadap aset pantai.
Zon Penampang	Zon penampang lazimnya dalam bentuk kawasan hijau; yang memisahkan dua aktiviti guna tanah yang tidak melengkapi, contohnya kawasan perumahan dan perindustrian.

## GLOSARI

ISTILAH	TAFSIRAN
Zon Perlindungan Persisiran Pantai	Kawasan persisiran pantai di mana sebarang pembangunan tidak dibenarkan atas sebab pemuliharaan komponen-komponen ekologi berkepentingan seperti kawasan taman laut, kawasan pendaratan penyu, kawasan berkepentingan burung, kawasan rumput laut, kawasan pelancongan dan kawasan yang mempunyai risiko bencana.
Zon Promosi Pembangunan	Kawasan aglomerasi bandar yang mempunyai hubungkait ekonomi yang berpotensi untuk bertumbuh dengan pesat. Kawasan ini akan digalakkan untuk pembangunan dan pertumbuhan penduduk.
Zon recaj	Zon recaj merupakan suatu kawasan tanah di mana air boleh mengalir ke dalam lapisan akuifer dengan mudahnya, justeru menambah lagi kuantiti akuifer tersebut.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong